

07/02/2001

Awang Had berasa tertipu

KUALA LUMPUR, Selasa - Tokoh pendidik negara, Tan Sri Awang Had Salleh, (gambar atas) berkata beliau 'keliru dan tertipu' apabila hadir berucap pada perhimpunan 'Tak Akan Melayu Hilang Di Dunia' di sini Ahad lalu kerana majlis itu menyimpang daripada matlamat asal.

Katanya, beliau hadir dan sanggup menyampaikan ceramah itu atas dasar demi perpaduan Melayu seperti yang dikatakan oleh penganjur apabila membuat jemputan kepadanya.

"Saya sudah rasa terkeliru dan tertipu apabila majlis itu disertai ucapan yang berapi, seolah-olah saya berada di tempat yang tidak betul, terasing dan tidak senada dengan yang lain.

"Saya terima jemputan atas nama perpaduan Melayu. Saya rasa landasan (ucapan berunsur politik) itu salah dan ia seharusnya diungkapkan pada perhimpunan parti politik.

"Sebab itu kandungan ucapan saya pada perhimpunan itu lebih menekankan kepada persoalan perpaduan Melayu serta mengupas kata-kata Hang Tuah Tak Akan Melayu Hilang Di Dunia," katanya ketika dihubungi hari ini.

Perhimpunan anjuran Badan Bertindak Melayu (BBM) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) itu mencetuskan kontroversi apabila beberapa ahli Umno yang sebelum ini pernah memegang jawatan penting dalam parti, secara terbuka mengkritik kepemimpinan parti selain menyindir program penswastaaan kerajaan.

Seramai lapan orang berucap pada perhimpunan selama kira-kira tiga jam itu. Kecuali bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Ghafar Baba dan Awang Had, hampir semua yang lain, sama ada secara terbuka atau tidak langsung, mengecam pemimpin Umno dan dasar-dasar kerajaan.

Turut berucap Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Suleiman Mohamed dan Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Khalid Yunus. Mereka hadir dalam kapasiti peribadi.

Penceramah lain termasuk Ketua Penyelaras Sekretariat BBM, Datuk Paduka Ibrahim Ali; bekas Exco Pemuda Umno, Datuk Mazlan Harun; bekas Ketua Pemuda Umno, Datuk Suhaimi Kamaruddin; bekas Naib Ketua Pemuda Perak, Tajuddin Abdul Rahman dan Datuk Zakaria Said.

Awang Had yang juga Presiden Persatuan Pendidikan Malaysia dan Pro-Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris, mengakui ucapannya pada perhimpunan itu tidak sehebat yang lain kerana lebih berbentuk ilmiah mengenai gagasan penyatuan Melayu.

"Kecuali Tun Ghafar dan saya, ucapan lain secara keseluruhannya ... bukan semua, seolah-olah menjadikan perhimpunan itu untuk melahirkan rasa tidak puas hati terhadap Umno.

"Seperti kata Tun Ghafar, kalau nak cuit emosi (hadirin) memang mudah iaitu herdik sedikit," katanya.

Sementara itu, Ibrahim ketika dihubungi berkata, BBM akan mengadakan mesyuarat di Kelab Sultan Sulaiman di Kampung Baru, Sabtu ini untuk membincangkan isu yang timbul ekoran perhimpunan itu.

"Setakat ini, saya tidak mahu mengulas lanjut. Tunggulah kenyataan akhir dikeluarkan Sabtu ini," katanya.

Ketua Penerangan Sekretariat BBM, Datuk Jamaluddin Abu Bakar, berkata pihaknya sedang meneliti reaksi pelbagai pihak berkaitan perhimpunan itu untuk dibincangkan pada mesyuaratnya Sabtu ini.

"Kita akan membuat penjelasan penuh dalam kenyataan akhbar selepas mesyuarat itu nanti," katanya sambil menambah, cadangan untuk mengemukakan

memorandum kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkaitan permasalahan serta kepentingan bangsa Melayu tetap diteruskan.

Pada akhir perhimpunan Ahad lalu itu, penganjur mengumumkan penubuhan Jawatankuasa Petugas Khas yang diketuai Ghafar dengan diberi tempoh sehingga Jun ini untuk membuat rumusan berkaitan hak, ketuananan serta kepentingan Melayu.

(END)